

# UMS raih Pingat Emas dan Anugerah BioPitch di BioMalaysia 2016

KOTA KINABALU: Penyelidik Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Takashi Kamada meraih anugerah Pingat Emas pada BioMalaysia 2016 dalam kategori Biotechnology Perubatan.

Berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini, beliau memenangi anugerah itu melalui penyelidikannya yang bertajuk 'Novel anti-inflammatory drug from Bornean Red Alga *Laurencia nangii*' sekali gus mengetepikan penyelidik dari 12 universiti lain yang bertanding pada kategori berkenaan.

Bercakap kepada pemberita beliau berkata, alam semula jadi sememangnya telah lama menjadi sumber yang sangat baik serta inspirasi untuk pembangunan ubat-ubatan, dan Pulau Borneo sangat bertuah kerana mempunyai sumber biodiversiti yang luas dan sangat diperkaya dengan khazanah alam semula jadi.

"Penyelidikan yang giat dijalankan ini akan membawa kepada penemuan agen anti-radang yang baru," katanya berhubung kajian tersebut yang dilaksanakan bersama Pengarah IBTP, Professor Dr. Charles S. Vairappan dan Chin-Soon Phan.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Pada BioMalaysia 2016, UMS turut mencatatkan pencapaian membanggakan apabila berjaya memenangi Anugerah BioPitch melalui dua penyelidik Institut Penyelidikan Biotechnology (IPB), Prof. Madya Dr. Kenneth Rodrigues dan Dr. Daisy Vanitha John.

Kejayaan itu terhasil melalui produk 'Lepto-AD' Kit Pengesanan Antigen *Leptospira* yang dihasilkan dengan kerjasama pembangunan komersial dan pemasaran oleh syarikat Platcomm Ventures Sdn. Bhd.

Kit Lepto-AD terdiri daripada panel tiga antigen yang diuji bersama untuk mencapai tahap ketepatan yang lebih tinggi dalam diagnostik, dan ketepatan kit ini telah disahkan oleh pengesanan antigen menggunakan sampel serum yang positif *leptospira* yang diperolehi daripada pesakit tempatan.

Kos pengeluaran kit ini juga adalah jauh lebih rendah; yakni satu per sepuluh daripada harga produk yang boleh didapati secara komersial.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Inovasi), Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS, Dr. Azaze @ Azizi Abdul Adis melahirkan rasa bangga atas pencapaian berkenaan.